

## **GARIS PANDUAN PEPERIKSAAN KOMPREHENSIF**

(Pindaan Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)

### **1. PENGENALAN**

Garis Panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada pihak Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan pelaksanaan Peperiksaan Komprehensif kepada pelajar-pelajar Pascasiswazah.

### **2. KATEGORI**

Pelajar Ijazah Sarjana secara Mod Kerja Kursus diberi pilihan sama ada memilih untuk menduduki Peperiksaan Komprehensif atau melaksanakan Kertas Projek mulai Semester 1 Sesi 2013/2014. (Senat Kali Ke-110 Bil.9/2013)

### **3. PELAKSANAAN**

- 3.1 Pelajar Ijazah Sarjana Mod Kerja Kursus yang membuat pilihan Peperiksaan Komprehensif akan menduduki peperiksaan tersebut pada semester akhir pengajian sebagai syarat bergraduasi.
- 3.2 Pelajar yang membuat pilihan Peperiksaan Komprehensif juga perlu menambah dua (2) kursus bidang pengkhususan untuk mencukupkan jumlah kredit minimum untuk bergraduasi sebagai syarat untuk mengambil Peperiksaan Komprehensif. (Senat Kali Ke-82 Bil.1/2011)
- 3.3 Penyelia perlu memaklumkan kepada pelajar untuk merancang pelan pengajian dengan betul terutama di awal semester pengajian.
- 3.4 Pelajar perlu memohon untuk menduduki peperiksaan komprehensif pada semester ke-2 pengajian iaitu selewat-lewatnya pada minggu ke-7 takwim akademik semester berkenaan. Pelajar adalah tertakluk kepada pendaftaran minimum jam kredit yang telah ditetapkan pada setiap semester dan merujuk kepada struktur program pengajian yang telah ditetapkan oleh fakulti. (Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)
- 3.5 Pelajar dikehendaki membuat permohonan pengambilan Peperiksaan Komprehensif kepada Dekan IPS melalui Dekan Fakulti masing-masing. Kelulusan untuk menduduki Peperiksaan Komprehensif adalah tertakluk kepada kelulusan di peringkat fakulti. (Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)
- 3.6 Fakulti perlu menilai permohonan pelajar dengan mempertimbangkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan alasan yang dikemukakan oleh pelajar dan penyelia di borang permohonan. (Senat Kali Ke-203 Bil.7/2021)

#### 4. SKOP SOALAN

- 4.1 Fakulti akan menyelaras Peperiksaan Komprehensif dan menubuhkan Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif peringkat Fakulti.
- 4.2 Peperiksaan Komprehensif akan dilaksanakan dengan komponen soalan seperti berikut:

Jenis Ijazah Sarjana	Komponen Soalan Peperiksaan Komprehensif
Sarjana Pendidikan	a) Kaedah Penyelidikan b) Komponen Pendidikan c) Bidang Pengkhususan
Sarjana Bukan Pendidikan	a) Kaedah Penyelidikan b) Bidang Pengkhususan

- 4.3 Skop soalan merupakan sintesis daripada kursus-kursus dalam setiap komponen berkenaan. Setiap soalan mengambil masa 2 jam bagi setiap komponen.
- 4.4 Fakulti perlu melantik Jawatankuasa Penggubal dan Penaksiran Soalan.

#### 5. PEMARKAHAN

- 5.1 Tiada gred dan nilai kredit diberikan bagi peperiksaan komprehensif. Keputusan peperiksaan akan dibuat dalam bentuk lulus atau gagal.
- 5.2 Bagi membolehkan calon lulus peperiksaan ini, calon perlu mendapat markah sekurang-kurangnya 65% bagi setiap komponen soalan dan minimum 65% markah bagi keseluruhan peperiksaan.
- 5.3 Sekiranya markah keseluruhan peperiksaan kurang daripada 65%, pelajar berkenaan dikehendaki mengulang keseluruhan peperiksaan.
- 5.4 Namun sekiranya pelajar memperoleh markah keseluruhan 65% dan ke atas tetapi gagal dalam sesuatu komponen, pelajar berkenaan hanya perlu mengulang komponen yang gagal sahaja.


#### 6. TEMPOH PEPERIKSAAN

- 6.1 Pelajar dikehendaki mendaftar Peperiksaan Komprehensif pada Semester 3 iaitu dalam tempoh minggu pendaftaran kursus.
- 6.2 Pelajar layak untuk menduduki Peperiksaan Komprehensif pada semester akhir pengajian. Fakulti hendaklah sentiasa bersedia untuk menyediakan soalan dan menguruskan peperiksaan.

## **7. MENGULANG PEPERIKSAAN**

- 7.1 Pelajar yang gagal kali pertama boleh mengulang peperiksaan pada satu tarikh 90 hari selepas tarikh keputusan gagal diberikan.
- 7.2 Gagal kali kedua tidak dianugerahkan ijazah.
- 7.3 Pelajar hanya dibenarkan menduduki peperiksaan gantian sekiranya tidak hadir Peperiksaan Komprehensif dengan alasan berikut sahaja:
  - a) Kematian keluarga terdekat
  - b) Sakit (dengan bukti dari Pegawai Perubatan)
  - c) Hal kecemasan

## **8. CARTA ALIR PELAKSANAAN PEPERIKSAAN KOMPREHENSIF** (Senat Kali Ke-203 Bil. 7/2021)



Tindakan

Dokumen

1. Pelajar, Penyelia, Dekan Fakulti dan JPSF

2. Pelajar, Penyelia, Dekan / Timbalan Dekan Fakulti dan Dekan IPS

3. Pelajar

4. Dekan/Timbalan Dekan Fakulti dan Jawatankuasa Peperiksaan Komprehensif peringkat Fakulti

5. Pelajar

1. Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan Komprehensif

2. Penilaian dan pertimbangan diperingkat fakulti

3. IPS mengeluarkan memo makluman kepada Dekan Fakulti

4. MySIS

5. Kertas Soalan Peperiksaan Komprehensif merujuk kepada komponen soalan yang ditetapkan

6. Keputusan Peperiksaan